

**UCAPAN**

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH,**

**PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENYERAHAN KABINKOPERASI KARIAH**

**MASJID**

**DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG LUBUK KULIT**

**14 APRIL 2026 (SELASA)**

---

Bismillahirrahmannirrahim, Assalamualaikum WBT  
Salam dari Malaysia dan Salam Koperasi

(PROTOKOL SAPAAN)

---

1. **Alhamdulillah**, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama menyaksikan satu lagi detik bersejarah iaitu **Majlis Penyerahan Kabin Koperasi Kariah Masjid** pada hari ini.
2. Majlis penyerahan ini merupakan satu langkah permulaan ke arah memperkukuh aktiviti ekonomi koperasi kariah masjid di luar bandar. Kabin ini diharap menjadi pemangkin kepada pelaksanaan pelbagai aktiviti ekonomi yang mampu menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.

## **Hadirin Hadirat Yang Dihormati**

- 3.** Untuk makluman dalam Kongres Koperasi Kebangsaan yang lalu, YAB Perdana Menteri, Anwar Ibrahim telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM500,000 khusus untuk memperkasa koperasi kariah masjid di seluruh negara sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh ekonomi rakyat.
  
- 4.** Sehubungan itu, ANGKASA telah mengambil langkah proaktif dengan merangka pelaksanaan inisiatif yang bersasar termasuk menyediakan kemudahan kabin kepada 20 buah koperasi kariah masjid terpilih bagi membantu menjana aktiviti ekonomi yang lebih tersusun dan mampan.
  
- 5.** Kemudahan kabin yang diserahkan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh koperasi dan ahli kariah untuk menjalankan aktiviti ekonomi seperti perniagaan kecil, perkhidmatan dan

lain-lain inisiatif yang bersesuaian. Kabin ini bukan sahaja dapat berfungsi sebagai ruang perniagaan tetapi juga sebagai platform untuk membuka peluang pekerjaan serta membantu meningkatkan ekonomi golongan asnaf dan masyarakat setempat.

6. Koperasi kariah masjid mempunyai keunikan tersendiri kerana berasaskan kepada nilai-nilai kebersamaan, amanah dan keprihatinan terhadap kebajikan ummah. Justeru setiap inisiatif ekonomi yang dijalankan perlu berlandaskan prinsip patuh syariah serta memberi impak langsung kepada kesejahteraan ahli kariah, termasuk membantu golongan yang memerlukan agar turut menikmati hasil pembangunan ekonomi tersebut.
7. Dengan adanya kerjasama erat antara koperasi, komuniti setempat serta sokongan agensi berkaitan, termasuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia, koperasi kariah masjid mampu berkembang sebagai institusi ekonomi yang kukuh dan mampan. Usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan, malah dapat memperkukuh

perpaduan serta semangat gotong-royong dalam kalangan masyarakat.

### **Hadirin Hadirat Yang Dihormati**

8. Masjid sejak dahulu bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadah, malah menjadi nadi pembangunan sosial, pendidikan dan ekonomi umat Islam. Penubuhan Koperasi Kariah Masjid merupakan satu pendekatan strategik untuk mengembalikan peranan masjid sebagai pusat pembangunan ekonomi ummah yang berintegriti, telus dan berdaya maju.
9. ANGKASA percaya bahawa masjid mempunyai potensi besar sebagai pemangkin ekonomi berteraskan nilai Islam, dan koperasi adalah instrumen terbaik untuk merealisasikan hasrat tersebut secara tersusun, telus dan berdaya maju.
10. Untuk makluman hadirin sekalian, sehingga Jun 2025 terdapat 588 buah koperasi kariah masjid di seluruh negara dengan keanggotaan sehingga 48,578 individu, serta

jumlah aset sebanyak RM41.78 juta, syer/yuran sebanyak RM16.67 juta dan perolehan sebanyak 17.47 juta.

11. Angka ini menunjukkan bahawa koperasi kariah masjid bukan lagi entiti kecil sebaliknya telah berkembang sebagai salah satu sektor penting dalam ekonomi negara yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.
12. Dalam konteks koperasi kariah masjid, potensi ini perlu diterjemahkan melalui aktiviti ekonomi yang bersesuaian seperti peruncitan, perkhidmatan, pengurusan aset serta inisiatif kebajikan yang mampu memberi nilai tambah kepada komuniti setempat.

### **Hadirin Hadirat Yang Dihormati**

13. Saya berharap penyerahan kabin ini menjadi titik tolak kepada kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan, seterusnya melahirkan lebih banyak koperasi yang berjaya dan berimpak tinggi di seluruh negara. Saya

menyeru agar semua pihak terus komited dan berganding bahu dalam menjayakan agenda pemerkasaan koperasi demi kesejahteraan ummah secara menyeluruh.

- 14.** Sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan Majlis Penyerahan Kabin ini. Saya berharap agar kemudahan yang disediakan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh koperasi dan komuniti setempat sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi yang lebih mampan dan inklusif.
  
- 15.** Saya menyeru agar semangat kerjasama, kepercayaan dan komitmen dalam kalangan ahli kariah terus diperkukuhkan demi memastikan kejayaan setiap inisiatif yang dilaksanakan. Dengan sokongan padu semua pihak serta pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, saya yakin koperasi kariah masjid mampu berkembang maju dan memberi manfaat yang besar kepada seluruh masyarakat.

16. Akhir kata, saya mendoakan agar segala usaha murni ini diberkati dan dipermudahkan, serta menjadi asbab kepada peningkatan kesejahteraan ekonomi dan sosial ummah.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik wal hidayah, Assalamualaikum w.b.t*

- **TAMAT** -